


ZAKARIA A. WAHAB




2595
W



RAHSIA MAHATHIR

(1992-2003)

*Yayasan
Kepimpinan
Perdana*



4/7/23

ZAKARIA A. WAHAB

PUSTAKA PERDANA



1013332



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

RAHSIA MAHATHIR

(1992-2003)

Tulisan oleh Zakaria A. Wahab

Suntingan oleh Noor Zahira Zakaria

Tajuk oleh N Syamsuddin Ch Haesy

Idea Kulit Buku oleh Zakaria A. Wahab

Reka Bentuk Kulit Buku oleh Norhisommudein Omar

Pemilik Hak Cipta

© Zakaria A. Wahab

Cetakan Pertama 2023

Semua Hak Cipta Terpelihara. Sebarang isi kandungan buku ini tidak dibenarkan ditiru, diguna, diterbitkan semula dalam cetakan dan e-cetak, diadaptasi, diubahsuai, disimpan dalam storan awan, dijual dan dipancarkan melalui sebarang cara sekali pun termasuklah kaedah atas talian, elektronik, fotokopi, cetakan, rakaman atau kaedah-kaedah lain lagi tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada penulis atau pemilik hak cipta.

Penerbit

Zakaria A. Wahab

Kuala Lumpur, Malaysia


xxacaria@gmail.com

Dicetak di Malaysia oleh

Aslita Sdn. Bhd.

Lot 10 & 12, Jalan 2/10 B, Spring Crest Industrial Park, Batu Caves

68100 Kuala Lumpur



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-97890-0-0

untuk

Dr. Mahathir Mohamad





Istimewa Buat

Isteriku, Norlida Abdul Aziz

dan anak-anak yang comel,

Noor Hidayah

Noor Zahira

Noor Zuhairreen Zulaika

Zia-Ul-Arief

Serta,

*Ibuku, Khatifah Ahmad Tasi
Ayahku, Abdul Wahab Harun (Alm)*





Bersama Dr. Mahathir di hari terakhir beliau sebagai Perdana Menteri di pejabatnya di Putrajaya pada 31 Oktober 2003 - foto ZAW



PENGANTAR

Buku ini ditulis bagi merakam peristiwa, cerita dan kisah di sebalik Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad dari tarikh penulis mula berkhidmat sebagai pegawai media kepada beliau dari 1 Jun 1992 hingga 31 Oktober 2003, iaitu sehingga waktu beliau bersara. Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-4 selama 22 tahun sejak 16 Julai 1981. Tempoh penulis berkhidmat dengan Dr. Mahathir ialah selama 11 tahun iaitu separuh terakhir daripada keseluruhan perkhidmatan beliau yang penuh bersejarah, pancaroba dan liku-liku warna.

Sudah banyak buku ditulis oleh pelbagai pihak mengenai peribadi Dr. Mahathir dan berkaitan corak kepimpinan, pemikiran, pendirian, perjuangan dan politiknya, serta cara pemerintahan Kerajaan dan dasarnya. Kebanyakan buku ini bercorak ilmiah atau akademik, polemik dan serius. Dr. Mahathir pun telah menulis buku-bukunya sendiri. Buku-buku ini ditulis mengikut perspektif, kajian dan pemahaman masing-masing baik penulis dari Malaysia mahupun penulis asing.

Buku *Rahsia Mahathir* ini pula merupakan catatan santai

mengenai perkara yang berlaku pada figura bernama Dr. Mahathir dari kacamata penulis yang mendampingi dan mengikuti Perdana Menteri hampir setiap siang dan malam semasa bertugas dengan Perdana Menteri. *Rahsia Mahathir* ini bukanlah catatan perkara-perkara yang berlaku di belakangnya dan hampir tanpa pengetahuannya, tetapi sebenarnya lebih kepada perkara yang dilakukan oleh Dr. Mahathir dan peristiwa yang berlaku yang melibatkan beliau atau di sekeliling beliau tetapi tidak diketahui khalayak ramai ataupun media.

Buku ini bertujuan untuk merekod perkara-perkara di luar kebiasaan yang dilakukan Dr. Mahathir yang jika tidak ditulis mungkin tidak memberi gambaran sebenar mengenai siapa dia sosok tokoh Dr. Mahathir ini. Catatan di buku ini pun masih tidak lengkap kerana buku ini hanya merangkumi 11 tahun sahaja daripada 22 tahun kerjaya Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri. Catatan sepanjang 11 tahun ini pun hanya mengandungi hal-hal yang terpilih dan ada dalam pengetahuan penulis sahaja. Manakala perihal 11 tahun yang terdahulu tiada dalam catatan sesiapa pun.

Apatah lagi dengan puluhan tahun sepanjang hayat Dr. Mahathir? Jika tiada sesiapa mencatatnya maka akan hilang begitu sahaja kisah atau sejarah mengenai negarawan kita ini. Mungkin kita bernasib baik sedikit kerana Dr. Mahathir sempat menulis sendiri kisahnya melalui buku *A Doctor in the House – The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad* (MPH Publishing, Cetakan 2011), tetapi mungkin juga tidak sepenuhnya.

Sebenarnya kisah Dr. Mahathir boleh ditulis dari sudut pandangan dan pengalaman ramai dari kalangan mereka yang sempat mendekati atau pernah berinteraksi secara langsung dan tidak langsung dengan Dr. Mahathir. Mereka yang kenal lama atau rapat dengan Dr. Mahathir atas dasar kawan, kerja, khidmat, kepandaian, kepakaran dan kebolehan masing-masing sudah pasti mempunyai banyak kisah dengan beliau yang boleh diceritakan kepada umum.

Pendekatan penulisan buku ini adalah untuk bacaan ringan dan santai. Ia lebih kepada hendak mengamati karakter, sikap,

sudut pandangan dan pemikiran Dr. Mahathir dalam menguruskan dan meleraikan simpulan isu-isu dalam masyarakat dan negara dengan tatakelola beliau sendiri.

Walaupun Dr. Mahathir memerintah negara selama 22 tahun ramai tidak dapat membuat andaian atau menduga tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Dr. Mahathir dalam meleraikan masalah atau isu yang dihadapi negara. Sedangkan kita di Malaysia pun tidak dapat meneka dengan tepat apa yang ada dalam benak hati dan pemikirannya, apatah lagi pakar-pakar luar untuk meramal tindak-tanduk Perdana Menteri kita.

Kita lihat bagaimana dalam menangani krisis ekonomi dan kegawatan kewangan Asia pada 1998, Dr. Mahathir melawan arus dunia dengan mengenakan kawalan kewangan yang luar biasa dan menetapkan nilai Ringgit Malaysia ke atas Dolar Amerika bagi menyelamatkan negara kita daripada menjadi mangsa manipulasi pedagang matawang antarabangsa dan pengemis pada Tabung Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund (IMF).

Begitu juga semasa Dr. Mahathir mengumumkan untuk meletak jawatan beliau sebagai Presiden UMNO (United Malays National Organisation), Pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri dalam ucapan di hari terakhir perhimpunan agung UMNO di Putra World Trade Centre Kuala Lumpur pada 22 Jun 2002, tiada siapa pun menduga atau dapat menghidu tindakan Dr. Mahathir itu. Malah ada yang bertanya kepada isteri beliau Dr. Siti Hasmah Mohd Ali kemudiannya, sama ada beliau tahu atau tidak bahawa suaminya akan meletakkan jawatan. Dr. Siti Hasmah menjawab yang beliau sendiri tidak tahu langsung akan ura-ura Dr. Mahathir hendak melepaskan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan walaupun mereka tidur sekatil.

Penulis sendiri turut terkejut apabila Dr. Mahathir berucap demikian di perhimpunan agung UMNO tersebut. Wartawan pun ada bertanya kepada penulis sama ada penulis mengetahui rancangan Dr. Mahathir untuk bersara. Tentulah penulis jawab tidak mengetahuinya. Apa yang terlintas di kepala penulis masa itu ialah penulis pasti terpaksa pulang sahaja ke Bernama

(Pertubuhan Berita Nasional Malaysia) yang telah meminjamkan penulis kepada Pejabat Perdana Menteri. Bagaimanapun, seperti kita tahu hasil pujukan ramai pihak termasuk pucuk pimpinan UMNO masa itu, Dr. Mahathir bersetuju untuk menanggungkan persaraan beliau sehingga Oktober 2003.



Foto bersejarah Dr. Mahathir gemparkan Perhimpunan Agung UMNO 2002 bila beliau tiba-tiba umum letak jawatan – foto siaran Utusan Malaysia

Namun demikian, sebenarnya sebelum itu, penulis sudah boleh mengagak Dr. Mahathir akan bersara pada 1999 kerana menjelang tahun itu segala projek negara yang besar, disebut mega oleh penentanginya, seperti Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Litar Lumba Kereta F1 Sepang, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, Menara Kuala Lumpur (KL Tower), sudah siap dan beroperasi manakala projek seperti Cyberjaya, projek laluan keretapi aliran ringan (LRT – Light Rapid Transit) telah rancak bermula, serta pemilihan Malaysia menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara antarabangsa seperti Sukan Komanwel 1998. Penulis melihat ini merupakan kemuncak kejayaan dan pencapaian Dr. Mahathir yang telah

direalisasikan dan beliau boleh menamatkan karier politiknya masa itu dengan penuh rasa puas hati.

Seperti yang kita ketahui, Dr. Mahathir tidak jadi bersara selepas berlaku krisis kepimpinan antara beliau dengan timbalannya, Anwar Ibrahim. Selepas itu, Dr. Mahathir mengakui bahawa beliau memang merancang untuk berhenti sebagai Perdana Menteri pada tahun 1999, tetapi apakan daya tidak menjadi kerana pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998.

Dr. Mahathir ialah seorang tokoh negarawan yang memang sukar dibaca isi hati atau pemikirannya serta susah meramal tindakannya sehingga ada yang menggelar beliau seorang enigma. Dr. Mahathir juga dikatakan oleh sesetengah orang sebagai seorang yang mendahului zamannya dalam konteks kemajuan negara kita. Beliau mempunyai visi atau wawasan yang sukar digambarkan apatah lagi diikuti.

Oleh yang demikian, diharapkan buku ini dapat menceritakan perihal Dr. Mahathir sepanjang sedekad lebih semasa penulis berkhidmat dengan beliau, serta dapat memberikan gambaran atau cerminan mengenai siapa sebenarnya Perdana Menteri ke-4 kita ini di sebalik namanya yang gah itu.

DARI PENULIS

Sebenarnya saya tiada hajat hendak menulis buku ini. Sejak saya mula berkhidmat dengan Dr. Mahathir, apa yang terbuku di hati adalah untuk menimba pengalaman sebagai Setiausaha Akhbar kepada seorang Perdana Menteri. Manakala pengalaman menyaksikan cara Dr. Mahathir mentadbir negara merupakan satu bonus, lebih-lebih lagi dalam beliau menempuh liku-liku politik yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Perkara ini mungkin boleh mendorong saya untuk menyertai politik atau menjadi ahli politik, malah menjadi Menteri kerana dalam kerjaya sebagai petugas di Pejabat Perdana Menteri dan melihat bagaimana Dr. Mahathir mengendalikan negara, rasanya tidak sukar untuk menjadi Menteri!

Namun demikian, itu hanya angan-angan, kerana dalam masa yang sama saya melihat politik tidak sesuai untuk diri saya. 'Kulit muka' saya tidak tebal dan saya tiada modal. Apa yang saya terfikir, kalau bernasib baik, sekurang-kurangnya saya dilantik menjadi Senator. Mungkin lah mudah menjadi Menteri tanpa melalui proses sepak terajang politik seperti yang berlaku ke atas beberapa tokoh pendidikan, perbankan dan sosial yang

menjadi Senator dan kemudiannya dilantik Menteri berdasarkan kepakaran, kepandaian dan pengalaman mereka. Walau bagaimanapun, ini semua gurauan mimpi saya sahaja. Keberanian saya adalah setakat menjadi ahli biasa sebuah parti politik. Itu pun sukar hendak menjadi ahlinya kerana wujudnya mainan politik.

Sebagai wartawan saya suka merekod perkara-perkara penting dan peristiwa menarik baik dalam buku nota atau diari. Tabiat ini bukan timbul ketika saya baru mula menjadi wartawan, malah tabiat ini telah lahir sejak umur remaja di waktu zaman persekolahan. Semasa itu, saya suka mengumpul setem, wang kertas dan kupang lama. Saya memiliki album-album untuk menyimpan setem dan wang lama tersebut. Saya juga suka mengambil foto. Saya sanggup membeli kamera pada awal tahun 70an semata-mata untuk merakam pelbagai peristiwa. Saya juga ada menyimpan album foto-foto lama hitam putih sebagai kenangan.


Tabiat menyimpan dan merekod ini terbawa-bawa sampai waktu saya masuk ke alam pekerjaan. Sebagai wartawan saya menyimpan nota-nota buku wartawan saya yang tulisannya macam cakar ayam. Sebagai pekerja saya menyimpan slip gaji saya dari mula berkhidmat sampai berhenti, resit-resit urusan bank, surat-surat pejabat kepada saya, keratan-keratan akhbar dan foto serta artikel atau tulisan yang menarik. Semua ini menjadi kenangan dan sejarah hidup peribadi saya. Barang-barang ini semua tersimpan dalam fail-fail dan kotak-kotak di dalam kamar studi saya.

Begitu juga semasa berkhidmat dengan Dr. Mahathir. Tabiat merekod atau menyimpan rekod ini masih diteruskan. Saya banyak mengambil foto Dr. Mahathir di mana-mana sahaja. Kadang-kadang, Dr. Mahathir menyuruh saya mengambil fotonya sambil beliau membuat gaya. Semasa itu saya masih menggunakan kamera berfilem. Ribuan keping jugalah foto yang sudah saya cetak. Berkotak-berkotak foto Dr. Mahathir yang diambil di merata tempat, termasuk di negara kita dan di luar negara, berada dalam simpanan saya sekarang. Di samping itu,

saya juga mempunyai kamera video yang menggunakan katrij pita kecil dan mikro. Saya banyak merakam video ketika mengikuti Dr. Mahathir ke luar negara dan banyak video ini dalam simpanan saya.

Semasa bertugas sebagai pegawai media Perdana Menteri, saya turut dibekalkan diari atau jadual harian Dr. Mahathir. Aktiviti atau acara rasmi dan tidak rasmi seharian Dr. Mahathir disenaraikan dalam jadual ini. Acara-acara Dr. Mahathir, sama ada perlu atau tidak untuk diberi liputan media, dicatatkan untuk saya.

Sepanjang saya bertugas dengan Dr. Mahathir selama 11 tahun, dari hari pertama hingga hari terakhir, saya menyimpan setiap keping jadual harian ini. Kini, sekotak penuh jadual harian Dr. Mahathir yang sudah usang berada dalam simpanan saya. Saya menyimpan jadual harian ini kerana jadual ini juga merupakan cerminan jadual harian saya. Saya boleh mengetahui di mana saya berada dan apa yang saya sedang buat atau tugas kerja saya pada hari tertentu berdasarkan jadual Dr. Mahathir itu.



Timbunan jadual kerja harian Dr. Mahathir selama 11 tahun. Setiap ikat jadual kerja harian itu ialah untuk tempoh setahun berkenaan - foto ZAW

Selepas tamat perkhidmatan dengan Dr. Mahathir, saya kembali ke Bernama dan dilantik sebagai Pengarah Eksekutif

anak syarikatnya yang menjalankan perniagaan teknologi maklumat iaitu BESSAR (Bernama Systems and Solutions Advisor) selama dua tahun. Kemudian saya ditempatkan semula di Jabatan Pengarang sehingga tamat perkhidmatan dengan Bernama pada 2019 selaku Ketua Pengarang. Tahun 2019 itu juga menandakan saya telah berkhidmat dengan Kerajaan selama hampir 40 tahun sejak 1 Julai 1980.

Setelah saya kembali ke Bernama, terdetik di dalam hati apa hendak dibuat dengan semua bahan foto serta dokumen mengenai Dr. Mahathir dalam simpanan saya. Kalau disimpan, berapa lama hendak disimpan? Dan disimpan untuk siapa? Pada masa itu, timbullah hasrat untuk merekod secara tersusun dan membukukan bahan-bahan yang sesuai dan bersejarah mengenai Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri sebelum semua bahan itu rosak, musnah atau hilang. Rekod-rekod tersebut turut mengandungi catatan pengalaman peribadi dan rasmi ketika saya bertugas dengan beliau. Sekurang-kurangnya buku itu dapat menjadi bahan rujukan kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahui mengenai Dr. Mahathir dari kacamata atau perspektif saya.

Malangnya, selepas kembali ke Bernama, saya amat sibuk dengan tugas dan situasi politik negara selepas Dr Mahathir meletakkan jawatan, terutamanya di waktu pentadbiran Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Abdul Razak, tidak mengizinkan saya untuk menulis buku. Maklumlah hubungan Dr. Mahathir dengan Abdullah dan Najib penuh dengan pergeseran politik berkaitan dengan perebutan kepimpinan negara. Bayangkan sekiranya saya menerbitkan buku mengenai Dr. Mahathir sewaktu bertugas sebagai Ketua Pengarang Bernama, sebuah agensi badan berkanun kerajaan. Sudahlah saya memang 'dicap' oleh pelbagai pihak sebagai 'orang Mahathir' selepas meninggalkan Putrajaya. Bayangkanlah jika buku saya ini diterbitkan semasa itu!

Walau bagaimanapun, setelah bersara dan dunia mulai dilanda wabak penyakit COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan diperkenalkan oleh Kerajaan pimpinan Perdana

Menteri Muhyiddin @ Mahiaddin Md. Yassin, barulah saya mempunyai masa untuk melihat kembali azam saya untuk menyiapkan buku ini. Saya mula menulis buku ini sejak Ogos 2021 secara konsisten dengan bahan-bahan rekod yang telah lama saya kumpulkan. Saya mengambil masa kira-kira setahun juga untuk menyiapkan buku ini, dan untuk mencetaknya juga perlukan masa.

Alhamdulillah, akhirnya buku ini dapat disiapkan juga walaupun buku ini tidak menceritakan sepenuhnya mengenai Dr. Mahathir. Buku ini bukanlah buku epik mengenai beliau. Seperti dinyatakan pada awalnya, buku ini adalah bahan bacaan santai mengenai seorang pemimpin yang dikenali ramai dari jarak jauh sahaja. Pemimpin yang telah memacu negara ke arah kemajuan dan kecemerlangan selama tempoh saya berkhidmat dengan beliau.

Saya pasti buku ini sahaja tidak cukup untuk menceritakan siapa sebenarnya Dr. Mahathir, tetapi sekurang-kurangnya ada juga secebis kisah beliau yang saya catat, yang dapat dikongsi dengan semua sebagai pengetahuan umum atau untuk manfaat bersama.

Ternyata buku ini akhirnya siap ditulis setelah 20 tahun saya meninggalkan Putrajaya dan juga selepas Dr. Mahathir bersara sebagai Perdana Menteri ke-4 pada 31 Oktober 2003. Sekurang-kurangnya dengan penjelasan yang diberikan ini dapatlah diketahui kenapa saya memerlukan masa sebegitu lama untuk menulis buku pertama saya sini.

Saya memohon maaf jika terdapat kekhilafan, kekurangan atau berlaku ketidaktepatan fakta dalam buku ini. Jika ada, bolehlah ia diperbetulkan dan dilengkapkan dalam edisi buku akan datang. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang telah memberi peluang, kerjasama, tunjuk ajar, panduan, bantuan dan sokongan sepanjang tempoh tugas saya di Pejabat Perdana Menteri sebagai pegawai media Dr. Mahathir, khususnya Penolong dan kemudiannya Setiausaha Akhbar sepanjang 11 tahun saya berkhidmat dengan beliau.

*Selamat Membaca
Terima kasih.*

Wassalam,

*ZAKARIA A. WAHAB
@Zack Asmara*

*Kuala Lumpur
22 September 2022*

APA KATA **DR. MAHATHIR** TENTANG:

KERJA:

"BEKERJALAH DENGAN RASA PENUH MINAT. PERKARA INI ADALAH AMAT PENTING. JIKA ANDA BEKERJA DENGAN PENUH MINAT, KESANNYA NANTI KERJA ANDA AKAN MENJADI AMAT RINGAN ATAU MUDAH."

HIDUP:

"ADAKAH KITA HANYA MELALUI KEHIDUPAN DI DUNIA INI TANPA MENINGGALKAN APA-APA? TIDAK ADAKAH SATU PUN TANDA YANG ADA TINGGAL DI DUNIA INI DALAM SEPANJANG HIDUP ANDA? ADAKAH ANDA HANYA LALUI SAHAJA HIDUP INI ATAU ADAKAH ANDA MELAKUKAN SESUATU UNTUK MENJADIKAN DUNIA INI LEBIH BAIK?"

SYUKUR:

"TANDA KESYUKURAN YANG SEBENARNYA MESTI DITUNJUK MELALUI SUMBANGAN ANDA KEPADA DUNIA SEMASA HAYAT ANDA. APAKAH USAHA ANDA UNTUK MENJADIKAN DUNIA INI LEBIH BAIK UNTUK GENERASI AKAN DATANG, UNTUK ANAK-ANAK ANDA SENDIRI, UNTUK CUCU-CUCU DAN CICIT-CICIT ANDA?"

DOKTOR:

SAYA LEBIH BERMINAT DALAM BIDANG PEMBEDAHAN DARIPADA PERUBATAN. SEBABNYA, KALAU DALAM BIDANG PERUBATAN, ANDA HANYA MEMBERI UBAT KEPADA PESAKIT DAN SELEPAS ITU KENA MENUNGGU SEHINGGA PESAKIT ITU SEMBUH. TETAPI DENGAN PEMBEDAHAN, CONTOHNYA APENDIKS, SEORANG PESAKIT DATANG, ANDA BEDAH DIA, HANTAR DIA PULANG DAN DIA BOLEH SEMBUH HAMPIR SEKELIP MATA.